

Cuci pasir cemar Sungai Langat

Sumber alam cetek, keruh akibat aktiviti pengambilan pasir oleh KSSB

Oleh Sarah Sulaiman

sarahsulaiman@bharian.com.my

BANGI: Kegiatan pengambilan pasir oleh Kumpulan Semaesta Sdn Bhd (KSSB) di lebih dua kilometer (km), sepanjang anak Sungai Langat, berhampiran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, dikhuatiri menyebabkan Sungai Langat tercemar.

Berikutan itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) diminta memantau kegiatan anak syarikat kerajaan Selangor itu yang dikesan berlaku sejak dua tahun lalu.

Sentral difahamkan, sungai berkenaan yang dulu bersih dan deras alirannya kini semakin cetek serta keruh akibat aktiviti mencuci pasir di situ.

Tinjauan *Sentral* ke lokasi itu yang letaknya berdekatan jalan utama Kampung Teras Jernang, dekat sini, pagi kelmarin, mendapati dua jentera sibuk mengorek dan memunggah pasir ke dalam enam lori yang sedia menunggu.

Kegiatan itu meresahkan penduduk kerana lori yang keluar masuk di laluan bersebelahan sungai berkenaan pada setiap hari membahayakan keselamatan mereka.

Tinjauan juga mendapati mereka mengorek pasir dari sungai dan menggunakan air sungai untuk mencuci pasir bagi mendapatkan jenis pasir yang lebih mahal berikutan permintaan tinggi projek pembangunan di sekitar Lembah Klang.

Walaupun aktiviti pengubahan pasir itu diuruskan KSSB dan mendapat permit daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat (PTDHL) berdasarkan papan kenyataan pada pintu masuk laluan utama, tindakan itu yang dikhuatiri membawa kerosakan kepada sumber air sungai, tidak boleh dibiarkan.

Pencemaran itu jika benar berlaku, perlu dihentikan segera terutama ketika kerajaan negeri berusaha melaksanakan beberapa langkah sebagai persediaan berdepan krisis air pada masa depan.

Ketegasan tindakan di bahagian penguatkuasaan kerajaan penting bagi mengelak kemusnahan kritikal pada sumber air sungai terbabit yang dilihat semakin cetek dengan sisa kelodak yang menjejaskan kualiti sumber air.

Aktiviti terbabit yang menyebabkan keadaan sungai semakin melebar di hulunya sehingga menyebabkan tebing sungai terhakis itu



KEGIATAN melombong pasir yang dijalankan KSSB didakwa melanggar syarat aktiviti mencuci pasir di Kampung Teras Jernang.

perlu segera dihentikan bagi membolehkan aliran sungai kembali lancar.

Difahamkan, mana-mana pengu-

saha pasir yang melanggar syarat ditetapkan LUAS boleh disiasat mengikut Seksyen 41, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999

dan dikenakan denda RM50,000 atau dua tahun penjara bagi kesalahan menjejaskan kualiti air sungai.